

GARIS PANDUAN PERMOHONAN POTONGAN CUKAI DI BAWAH SUBSEKSYEN 34(6)(ha) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

1. Tujuan

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai kriteria dan prosedur am bagi permohonan potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(ha) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 ke atas sumbangan yang dibuat bagi projek komuniti / amal yang melibatkan pembiayaan penyediaan infrastruktur yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF) atau Pihak Berkuasa Kerajaan yang berkaitan (*Relevant Government Authority* - RGA).

RGA adalah Kerajaan, Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan yang dipertanggungjawab untuk menentusahkan nilai sumbangan dan meluluskan projek komuniti / amal berdasarkan kluster projek seperti yang disenaraikan di **Lampiran A1 dan A2** dalam Garis Panduan ini.

2. Latar Belakang

- 2.1 Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta secara lebih aktif dalam memberi sumbangan kepada projek kebajikan dan kemasyarakatan, Kerajaan telah membenarkan potongan daripada pendapatan kasar perniagaan suatu amaun bersamaan dengan sumbangan yang dilakukan bagi projek komuniti / amal yang melibatkan pembiayaan penyediaan infrastruktur yang layak.
- 2.2 Projek komuniti / amal dan nilai sumbangan kepada projek infrastruktur hendaklah disahkan dan diluluskan oleh pihak-pihak berikut:

Nilai Sumbangan	Pihak Yang Meluluskan Projek Komuniti / Amal	Pihak Yang Mengesahkan Nilai Sumbangan
RM300,000 dan ke bawah	RGA	RGA
Melebihi RM300,000	MOF	RGA

3. Kriteria Projek Komuniti / Projek Amal Yang Layak

- 3.1 Bagi tujuan potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(ha) ACP 1967, projek komuniti / amal yang melibatkan pembiayaan penyediaan infrastruktur yang layak hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:
- (i) Projek komuniti / amal yang melibatkan penyediaan infrastruktur yang memberi manfaat kepada orang awam di Malaysia, di samping dapat dimanfaatkan oleh penyumbang bagi tujuan perniagaannya;

- (ii) Projek infrastruktur disediakan secara sukarela dan tidak disyaratkan oleh mana-mana pihak termasuk pihak berkuasa di bawah sesuatu peraturan / perjanjian;

Contoh 1:

Pemaju perumahan membuat sumbangan projek komuniti dalam bentuk pembinaan kemudahan awam berupa taman permainan kanak-kanak di taman perumahan. Projek komuniti tersebut adalah disumbangkan secara sukarela oleh pemaju dan bukan disyaratkan pembinaannya oleh pihak berkuasa.

- (iii) Kemudahan infrastruktur ini adalah untuk orang awam;
- (iv) Orang awam tidak dikenakan bayaran atas penggunaan infrastruktur ini; dan
- (v) Projek infrastruktur yang dilakukan bukan dalam lingkungan premis perniagaan.

4. Bentuk Sumbangan Yang Layak Mendapat Potongan Di Bawah Subseksyen 34(6)(ha) ACP 1967 Dan Kaedah Penentuan Nilai Sumbangan

4.1 Projek infrastruktur yang siap sepenuhnya, contohnya pembinaan kemudahan awam seperti jalan raya, jambatan dan dewan orang ramai di mana orang awam tidak dikenakan sebarang bayaran atas penggunaan infrastruktur tersebut.

4.2 Kaedah penentuan nilai sumbangan:

- (i) Kos pembiayaan projek perlu ditentukan oleh RGA; dan
- (ii) Sumbangan kepada projek infrastruktur yang layak mendapat potongan cukai adalah berdasarkan tarikh sijil perakuan siap dan pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance* - CCC).

5. Pihak Yang Layak Memohon Potongan Cukai di Bawah Subseksyen 34(6)(ha) ACP 1967

5.1 Syarikat dan selain syarikat seperti individu, perkongsian, badan amanah dan koperasi yang mempunyai pendapatan perniagaan dan tertakluk di bawah ACP 1967.

5.2 Syarikat dan selain syarikat hendaklah menyalurkan sumbangan projek komuniti / amal yang melibatkan pembiayaan penyediaan infrastruktur:

- (i) Secara terus kepada penerima projek; atau

- (ii) Melalui mana-mana Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat.

5.3 Institusi / Organisasi / Tabung yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 tidak dibenarkan memohon potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(ha) ACP 1967. Pihak Institusi / Organisasi / Tabung hendaklah menggunakan kemudahan layanan cukai di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 bagi menjalankan sebarang projek amal.

6. Prosedur Permohonan Kelulusan Projek dan Pengesahan Nilai Sumbangan Bagi Tujuan Potongan Cukai Di Bawah Subseksyen 34(6)(ha) ACP 1967

6.1 Sumbangan yang bernilai RM300,000 dan ke bawah:

- (i) Kelulusan Projek oleh RGA
 - (a) Penyumbang hendaklah membuat permohonan melalui surat rasmi kepada RGA untuk mendapatkan kelulusan projek terlebih dahulu dengan menyertakan bersama borang seperti di **Lampiran I**.
 - (b) RGA akan membuat penilaian sama ada projek yang dipohon memenuhi kriteria projek komuniti / amal yang melibatkan pembiayaan penyediaan infrastruktur yang layak dan memberi manfaat kepada orang awam. Contoh surat kelulusan projek yang dikeluarkan oleh RGA adalah seperti di **Lampiran II**.
- (ii) Surat Akuan Terima Penerima Projek
 - (a) Penyumbang hendaklah mendapatkan surat akuan terima daripada penerima projek seperti borang di **Lampiran III**.

Penerima Projek	Prosedur
Secara Terus	Penyumbang hendaklah mendapatkan surat akuan terima daripada penerima projek berserta dengan cop rasmi bagi menentusahkan nilai projek infrastruktur yang diterima.
Melalui Agensi Kerajaan	

- (iii) Pengesahan Sumbangan oleh RGA
 - (a) Penyumbang hendaklah mendapatkan surat pengesahan bagi menentusahkan nilai sumbangan daripada RGA yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan berserta dengan cop rasmi jabatan berdasarkan format seperti di **Lampiran IV**; dan

- (b) Bagi tujuan pengesahan sumbangan, penyumbang hendaklah menyediakan Laporan Projek Komuniti / Amal yang mengandungi dokumen seperti berikut:
 - (i) Surat kelulusan projek daripada RGA (**Lampiran II**);
 - (ii) Latar belakang projek;
 - (iii) Perincian projek / aktiviti;
 - (iv) Perincian kos projek;
 - (v) Penglibatan komuniti;
 - (vi) Surat akuan terima penerima projek;
 - (vii) Gambar-gambar projek semasa projek berlangsung / projek siap dibina; dan
 - (viii) CCC atau Bukti Perisytiharan Projek / Kerja Pembinaan melalui *Centralized Information Management System* (CIMS) bagi projek infrastruktur. Sekiranya tiada keperluan CCC dikeluarkan, dokumen pengesahan projek siap sepenuhnya perlu dikemukakan.
- (c) Surat pengesahan seperti di **Lampiran IV** hendaklah disimpan oleh penyumbang untuk tujuan tuntutan potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(ha) ACP 1967.

6.2 Sumbangan yang bernilai melebihi RM300,000:

- (i) Kelulusan Projek oleh MOF
 - (a) Penyumbang hendaklah membuat permohonan melalui surat rasmi kepada MOF untuk mendapatkan kelulusan projek terlebih dahulu dengan menyertakan bersama borang seperti di **Lampiran I**.
 - (b) MOF akan membuat penilaian sama ada projek yang dipohon memenuhi kriteria projek komuniti / amal yang melibatkan pembiayaan penyediaan infrastruktur yang layak dan memberi manfaat kepada orang awam. Contoh surat kelulusan projek yang dikeluarkan oleh MOF adalah seperti di **Lampiran II**.
 - (c) Permohonan berserta dokumen yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

**Setiausaha Bahagian Cukai
Kementerian Kewangan Malaysia
Tingkat 6, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA**

(ii) Surat Akuan Terima oleh Penerima Projek

- (a) Penyumbang hendaklah mendapatkan surat akuan terima daripada penerima projek seperti borang di **Lampiran III**.

Penerima Projek	Prosedur
Secara Terus	Penyumbang hendaklah mendapatkan surat akuan terima dan nilainya daripada penerima projek berserta dengan cop rasmi bagi menentusahkan nilai projek infrastruktur yang diterima
Melalui Agensi Kerajaan	

(iii) Pengesahan Sumbangan oleh RGA

- (a) Penyumbang hendaklah mendapatkan surat pengesahan bagi menentusahkan nilai sumbangan daripada RGA yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan berserta dengan cop rasmi jabatan berdasarkan format seperti di **Lampiran IV**.
- (b) Bagi tujuan pengesahan sumbangan, penyumbang hendaklah menyediakan Laporan Projek Komuniti / Amal yang mengandungi dokumen seperti berikut:
- (i) Surat kelulusan projek dari MOF (**Lampiran II**);
 - (ii) Latar belakang projek;
 - (iii) Perincian projek / aktiviti;
 - (iv) Perincian kos projek;
 - (v) Penglibatan komuniti;
 - (vi) Surat akuan terima penerima projek;
 - (vii) Gambar-gambar projek semasa projek berlangsung / projek siap dibina; dan
 - (viii) CCC atau Bukti Perisytiharan Projek / Kerja Pembinaan melalui CIMS bagi projek infrastruktur. Sekiranya tiada keperluan sijil perakuan siap dan pematuhan dikeluarkan, dokumen pengesahan projek siap sepenuhnya perlu dikemukakan.
- (c) Surat pengesahan di **Lampiran IV** hendaklah disimpan oleh penyumbang bagi tujuan tuntutan potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(ha) ACP 1967.

7. Prosedur Tuntutan Potongan Cukai Di bawah Subseksyen 34(6)(ha) ACP 1967

7.1 Tuntutan potongan cukai ke atas sumbangan bagi projek komuniti / amal yang melibatkan pembiayaan penyediaan infrastruktur yang telah diluluskan oleh MOF atau RGA hendaklah dibuat melalui Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi tahun taksiran di mana sumbangan telah dilakukan, tertakluk kepada perkara berikut:

- (i) Jumlah yang dibenarkan potongan adalah bersamaan dengan amaun sumbangan yang dilakukan;
- (ii) Nilai sumbangan bagi projek komuniti / amal yang dituntut potongan cukai hendaklah seperti mana amaun yang ditentukan oleh RGA. RGA hendaklah menentukan nilai sumbangan berdasarkan perbelanjaan sebenar yang layak bagi projek komuniti / amal;
- (iii) Tuntutan potongan cukai ke atas sumbangan projek infrastruktur yang layak adalah berdasarkan tarikh CCC. Sekiranya tiada keperluan CCC dikeluarkan, tuntutan potongan cukai adalah berdasarkan tarikh dokumen pengesahan projek siap sepenuhnya oleh mana-mana agensi yang berkaitan.

7.2 Penyumbang hendaklah menyimpan dokumen berikut bagi tujuan pengauditan oleh LHDNM:

- (i) Surat kelulusan projek komuniti / amal yang melibatkan pembiayaan penyediaan infrastruktur yang dikeluarkan oleh MOF atau RGA (**Lampiran II**);
- (ii) Suratakuan terima sumbangan daripada penerima projek (**Lampiran III**); dan
- (iii) Surat pengesahan nilai sumbangan bagi projek komuniti / amal yang melibatkan pembiayaan penyediaan infrastruktur yang dikeluarkan oleh RGA (**Lampiran IV**).

7.3 Prosedur tuntutan sekiranya sumbangan kepada projek komuniti / amal yang melibatkan pembiayaan penyediaan infrastruktur dibuat secara berperingkat:

- (i) Jika sumbangan dibuat secara berperingkat bagi suatu projek komuniti / amal berjangka panjang yang melibatkan tempoh melebihi setahun untuk disiapkan, penyumbang boleh mendapatkan surat pengesahan nilai sumbangan daripada RGA bagi setiap tahun taksiran di mana sumbangan telah dilakukan.

Contoh 2:

Syarikat Dinamik Sdn. Bhd. membina 10 buah perhentian bas di daerah Rembau. Projek pembinaan bermula pada bulan Mei 2025 dan dijangka siap pada bulan Ogos 2026. Jumlah keseluruhan projek ini melibatkan kos sebanyak RM100,000. Bagi tujuan potongan cukai, projek pembinaan perhentian bas ini hendaklah diluluskan oleh RGA. Butiran pembinaan perhentian bas seperti berikut:

Tempoh Projek	Bilangan Perhentian Bas	Nilai Sumbangan	Tahun Taksiran (TT) Tuntutan Cukai
Mei - Julai 2025	3	RM30,000	TT 2025
Ogos - Oktober 2025	3	RM30,000	
Januari - Mac 2026	2	RM20,000	TT 2026
Jun - Ogos 2026	2	RM20,000	

Nota: Syarikat Dinamik Sdn. Bhd. menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

Berdasarkan contoh di atas, penyumbang hendaklah mendapatkan surat pengesahan nilai sumbangan daripada RGA untuk tujuan potongan cukai bagi kedua-dua TT 2025 dan TT 2026.

- (ii) Jika sumbangan dibuat secara berperingkat bagi suatu projek komuniti / amal yang sama di mana jumlah kumulatif sumbangan bagi projek yang dijalankan adalah melebihi RM300,000, maka penyumbang hendaklah mendapatkan kelulusan projek dari MOF berserta penjelasan mengenai perincian sumbangan.

Contoh 3:

Syarikat ABC Sdn. Bhd. membina 6 buah perhentian bas di daerah Rembau. Projek pembinaan bermula pada bulan Mei 2025 dan dijangka siap pada bulan Ogos 2026. Jumlah keseluruhan projek ini melibatkan kos sebanyak RM450,000 di mana jumlah kumulatif sumbangan melebihi RM300,000. Bagi tujuan potongan cukai, projek pembinaan perhentian bas ini hendaklah diluluskan oleh MOF dengan menjelaskan perincian sumbangan. Butiran pembinaan perhentian bas seperti berikut:

Tempoh Projek	Bilangan Perhentian Bas	Nilai Sumbangan	Tahun Taksiran (TT) Tuntutan Cukai
Mei - Julai 2025	2	RM150,000	TT 2025
Ogos - Oktober 2025	1	RM75,000	
Januari - Mac 2026	1	RM75,000	TT 2026
Jun - Ogos 2026	2	RM150,000	

Nota: Syarikat ABC Sdn. Bhd. menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

Bagi tujuan pengesahan nilai sumbangan untuk tujuan potongan cukai, penyumbang hendaklah mendapatkan surat pengesahan nilai sumbangan daripada RGA bagi TT 2025 dan TT 2026 mengikut tahun taksiran sumbangan dilakukan.

- (iii) Jika projek komuniti / amal telah diluluskan oleh MOF atau RGA dalam tempoh projek yang ditetapkan, kemudian dalam tahun yang sama penyumbang ingin membuat sumbangan tambahan bagi projek yang sama, penyumbang hendaklah mendapatkan kelulusan projek yang baharu dari MOF atau RGA berdasarkan nilai sumbangan tambahan tersebut, berserta penjelasan mengenai perincian sumbangan.

Contoh 4:

Syarikat AMZ Sdn. Bhd. menyumbang sebanyak RM200,000 bagi pembinaan jejantas pejalan kaki awam di hadapan premisnya yang boleh digunakan olehnya dan orang awam. Jejantas ini akan diserahkan kepada pihak DBKL apabila siap kelak pada bulan April 2025. Projek tersebut telah diluluskan oleh RGA. Kemudian, pada bulan Oktober 2025, Syarikat AMZ Sdn. Bhd. membuat sumbangan tambahan sebanyak RM150,000 bagi projek yang sama.

Berdasarkan contoh ini, penyumbang hendaklah mengemukakan permohonan baharu kepada RGA bagi sumbangan yang dilakukan sebanyak RM150,000.

- (iv) Sekiranya suatu projek komuniti / amal melibatkan pembinaan beberapa buah perhentian bas tidak dapat disiapkan dalam tahun semasa, ianya tidak boleh dituntut sehingga projek tersebut siap sepenuhnya.

Contoh 5:

Syarikat Q Sdn. Bhd. membina 3 buah perhentian bas di daerah Rembau. Disebabkan oleh keadaan di luar jangka, hanya 1 perhentian bas siap sepenuhnya dalam TT2025 manakala kerja pemajuan bagi 2 lagi perhentian bas ditangguhkan dengan status kerja dilakukan (*progress work*) hanya mencapai tahap 50% dan 30% masing-masing. Oleh itu, hanya 1 perhentian bas yang layak menuntut potongan cukai dalam TT2025.

8. Kesalahan Mengemukakan Tuntutan Potongan Cukai Palsu

MOF atau RGA boleh menarik balik atau membatalkan kelulusan projek bagi tujuan potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(ha) ACP 1967 pada bila-bila masa sekiranya didapati penyumbang mengemukakan maklumat atau dokumen tuntutan potongan cukai yang mempunyai butiran palsu atau tidak mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan.

9. Ketidakpakaian

Potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(ha) ACP 1967 tidak terpakai bagi sumbangan seperti berikut:

- (i) Sumbangan bagi projek komuniti / amal yang melibatkan pembiayaan penyediaan infrastruktur yang dibuat kepada Institusi / Organisasi / Tabung yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967; atau
- (ii) Sumbangan bagi projek infrastruktur yang tidak dapat diserahkan kepada penerima projek.

Contoh 6:

RGA meluluskan projek pembinaan 3 blok asrama anak yatim tetapi hanya 2 blok yang disiapkan dan diserahkan kepada penerima projek. Potongan cukai yang layak dituntut oleh penyumbang hanyalah ke atas sumbangan bagi pembinaan 2 blok asrama yang telah siap dan diserahkan kepada penerima projek tersebut.

10. Carta Alir Permohonan

Carta alir proses permohonan potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(ha) ACP 1967 boleh dirujuk di **Lampiran V**.

11. Tarikh Kuatkuasa

Garis panduan permohonan potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(ha) ACP 1967 ke atas sumbangan yang dibuat bagi projek komuniti / amal yang melibatkan pembiayaan penyediaan infrastruktur yang diluluskan oleh MOF atau RGA ini adalah berkuat kuasa mulai 15 September 2025.

Bahagian Cukai
Kementerian Kewangan Malaysia

**SENARAI *RELEVANT GOVERNMENT AUTHORITY* (RGA) BAGI
PERMOHONAN POTONGAN CUKAI DI BAWAH SUBSEKSYEN 34(6)(ha)
AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Bil.	Kluster	Contoh Aktiviti	Contoh RGA
1.	Infrastruktur	(a) Infrastruktur bangunan sekolah atau jalan raya sekolah (b) Membaiki pulih sekolah (c) Pembinaan bangunan sekolah (d) Pembinaan masjid / rumah ibadat / dewan orang ramai	(i) Kementerian Kerja Raya (ii) Kementerian Pendidikan Tinggi (iii) Kementerian Pendidikan Malaysia (iv) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (v) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (vi) Pihak Berkuasa Tempatan

**Senarai RGA yang disediakan adalah sebagai panduan umum sahaja. RGA juga boleh merujuk kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing mengikut jenis projek komuniti / amal / infrastruktur yang dibuat di setiap negeri.*

**PERMOHONAN UNTUK MENDAPAT KELULUSAN PROJEK KOMUNITI / AMAL
YANG MELIBATKAN PEMBIAYAAN PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR
BAGI TUJUAN POTONGAN CUKAI KE ATAS SUMBANGAN DI BAWAH
SUBSEKSYEN 34(6)(ha) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Butir-butir Penyumbang:

- (i) Nama :
- (ii) Alamat :
.....
- (iii) No. Telefon :
- (iv) No. Faks :

Butir-butir Sumbangan:

- (i) Bentuk Sumbangan : Kos Projek Infrastruktur
- (ii) Nilai Sumbangan :
- (iii) Tarikh Sumbangan :
- (iv) Nama Agensi / Badan Penerima :
- (v) Alamat :
.....
- (vi) No. Telefon :
- (vii) E-mel :
- (viii) Keterangan Projek / Program :
.....
.....
.....
- (ix) Agensi Kerajaan Berkaitan :
.....

Butiran Sumbangan Dalam Bentuk Projek Infrastruktur

(i) Alamat Projek:

.....
.....

(ii) Pihak Berkuatkuasa Yang Meluluskan Projek : (contohnya Majlis Daerah)
(Sila sertakan surat kelulusan)

.....
.....

(iii) Tarikh Siap Projek :

(iv) Tarikh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) **:

(v) Nilai Sumbangan : RM.....

****Nota:** Bagi projek infrastruktur, sumbangan yang dibenarkan dituntut bagi maksud potongan cukai adalah bagi tahun taksiran di mana sumbangan telah dilakukan berdasarkan tarikh kelulusan CCC dan sekiranya tiada keperluan CCC dikeluarkan, ianya hendaklah berdasarkan tarikh dokumen pengesahan projek telah siap sepenuhnya.

Akuan Penyumbang

Saya mengaku segala maklumat atau dokumen yang diberi dalam borang adalah benar. Sekiranya didapati terdapat maklumat atau dokumen yang diberikan adalah palsu dan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan, kelulusan yang diberi boleh ditarik balik atau dibatalkan.

Tandatangan Penyumbang :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Rasmi Syarikat / Perniagaan :

SURAT KELULUSAN PROJEK DARIPADA MOF / RGA

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami :
Tarikh :

(Nama & Alamat Penyumbang)

.....
.....

Tuan / Puan,

Permohonan Kelulusan Projek Komuniti / Amal Yang Melibatkan Pembiayaan Penyediaan Infrastruktur Bagi Tujuan Potongan Cukai Di Bawah Subseksyen 34(6)(ha) Akta Cukai Pendapatan 1967

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat permohonan tuan rujukan bertarikh berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa **MOF / RGA** bersetuju / tidak bersetuju projek (nama sumbangan infrastruktur)..... diluluskan sebagai projek komuniti / amal yang melibatkan pembiayaan penyediaan infrastruktur bagi tujuan potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(ha) Akta Cukai Pendapatan 1967. Butiran projek komuniti / amal tersebut adalah seperti berikut:

- 2.1 Nilai sumbangan :
- 2.2 Tarikh sumbangan :
- 2.3 Penerima sumbangan :

3. Bagi tujuan potongan cukai ke atas sumbangan yang dibuat bagi projek yang diluluskan di atas, penyumbang hendaklah menepati semua kriteria seperti mana yang ditetapkan dalam Garis Panduan Permohonan Potongan Cukai Di Bawah Subseksyen 34(6)(ha) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam **Lampiran II(a)**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....(tanda tangan)

Nama:

Jawatan:

s.k.: Bahagian Cukai, MOF
Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM

**Syarat-Syarat Kelulusan Permohonan Projek Komuniti / Amal
Yang Melibatkan Pembiayaan Penyediaan Infrastruktur Di Bawah
Subseksyen 34(6)(ha) Akta Cukai Pendapatan 1967**

1. Projek yang diluluskan kepada(nama penyumbang)..... adalah projek(nama projek)..... yang diluluskan di bawah Subseksyen 34(6)(ha) Akta Cukai Pendapatan 1967.
2. Jumlah sumbangan yang dibenarkan bagi potongan cukai ke atas perbelanjaan projek(nama projek)..... di perenggan (1) di atas tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM sahaja.
3. Potongan cukai bersamaan dengan jumlah sumbangan hendaklah dituntut oleh penyumbang yang memberi sumbangan kepada projek komuniti / amal / infrastruktur yang diluluskan seperti di perenggan (1) di atas.
4. Bagi projek infrastruktur, sumbangan kepada projek infrastruktur yang layak mendapat potongan cukai adalah berdasarkan tarikh sijil perakuan siap dan pematuhan atau dokumen pengesahan projek telah siap sepenuhnya dan selamat digunakan.
5. Perbelanjaan projek komuniti / amal / infrastruktur iaitu projek(nama projek)..... yang telah diluluskan hendaklah mendapat perakuan dan pengesahan daripada RGA yang terlibat.
6. Lain-lain syarat seperti yang ditetapkan melalui garis panduan permohonan potongan cukai di bawah Subseksyen 34(6)(ha) Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti penyimpanan dokumen bagi tujuan pengauditan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah seperti berikut:
 - (i) Surat kelulusan projek daripada MOF atau RGA bergantung kepada nilai projek / sumbangan;
 - (ii) Surat akuan terima sumbangan;
 - (iii) Surat pengesahan nilai projek/sumbangan oleh agensi Kerajaan berkaitan; dan
 - (iv) Resit / invoice berkaitan dengan pembiayaan projek.

SURAT AKUAN TERIMA DARIPADA PENERIMA PROJEK

No. Ruj.:

Tarikh :

Kepada :

(Nama & Alamat RGA)

Surat Akuan Terima Sumbangan Projek Komuniti / Amal Yang Melibatkan Pembiayaan Penyediaan Infrastruktur

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya No. Kad Pengenalan berjawatan mengaku telah menerima projek komuniti / amal yang melibatkan pembiayaan penyediaan infrastruktur daripada(nama penyumbang)..... pada(tarikh)..... bernilai RM.....

3. Sumbangan ini adalah bagi projek(nama projek).....

4. Saya mengesahkan bahawa projek(nama projek)..... tersebut telahpun siap sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

.....
(Tandatangan)

Nama :

Cop penerima projek :

SURAT PENGESAHAN NILAI SUMBANGAN DARIPADA RGA

No. Ruj :

Tarikh :

Kepada :

(Nama & Alamat Penyumbang)

**Pengesahan Nilai Sumbangan Bagi Projek Komuniti Yang Melibatkan
Pembiayaan Penyediaan Infrastruktur**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya No. Kad Pengenalan
..... berjawatan mengesahkan
bahawa pembinaan projek infrastruktur(nama projek)..... bernilai
RM..... telah dibuat bagi projek yang diluluskan oleh MOF / RGA
melalui surat bil.:..... bertarikh

3. Saya juga mengesahkan(nama projek)..... telah
siap / diserahkan kepada(penerima projek)..... pada
.....(tarikh).....

Sekian, terima kasih.

.....
(Tandatangan)

Nama :

Cop RGA :


Nota:

- i. Surat pengesahan ini hendaklah disimpan bagi tempoh 7 tahun untuk tujuan tuntutan cukai dalam tahun sumbangan dilakukan.
- ii. Invois pembelian barangan dan surat akuan terima hendaklah dikepilkan bersama dokumen ini.

s.k.: Bahagian Cukai, MOF
Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM

**CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN POTONGAN CUKAI DI BAWAH
SUBSEKSYEN 34(6)(ha) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

(Nilai Sumbangan RM300,000 dan ke bawah)



**CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN POTONGAN CUKAI DI BAWAH
SUBSEKSYEN 34(6)(ha) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

(Nilai Sumbangan Melebihi RM300,000)

